



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/2 Jld. 7 ( 40 )  
Tarikh : **04** Oktober 2023

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 6  
TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN AKTIVITI PENGHAYATAN HADIS 40 IMAM NAWAWI DI SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN  
KERAJAAN MULAI TAHUN 2023**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Aktiviti Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Mulai Tahun 2023.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di SMKA dan SABK dengan menggunakan modul yang disediakan oleh KPM. Usaha ini bertujuan membentuk sahsiah dan nilai yang baik selain memupuk semangat kasih sayang dan menerapkan kefahaman agama dalam kalangan murid Islam ke arah melahirkan generasi Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC). Inisiatif ini juga berupaya mengangkat kemuliaan insan (karamah insaniah) berdasarkan tiga elemen utama penghayatan nilai, iaitu adab, akhlak dan integriti.

3. Sehubungan dengan itu, semua pengetua dan guru besar SMKA dan SABK hendaklah melaksanakan aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi yang disesuaikan dengan tahap pemahaman murid dan keperluan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah. Pihak sekolah boleh merujuk Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi dengan

memuat turun modul tersebut menerusi pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) KPM bagi memastikan aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi dilaksanakan dengan baik.

4. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.


5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, SMKA dan SABK bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia